

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR  
(KULIM BANDAR BAHARU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.03.2016**

**Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [ KULIM BANDAR BAHARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah kaedah rasionalisasi subsidi minyak mengikut tahap pendapatan akan dilaksanakan, dan jika ada bagaimanakah kaedah yang sesuai dan bilakah ia akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada bulan November

2014, Kerajaan telah mengumumkan pengapungan secara terkawal harga minyak RON95 dan Diesel berkuatkuasa 1 Disember 2014. Langkah ini adalah sebahagian daripada inisiatif pembaharuan fiskal yang merangkumi pelaksanaan GST, rasionalisasi subsidi serta mengoptimum dan mengurangkan ketirisan perbelanjaan. Melalui pengapungan secara terkawal harga minyak ini, kos purata produk petroleum bagi sesuatu bulan akan menentukan harga jualan minyak di pam bagi bulan berikutnya. Ini bermakna jika harga pasaran minyak mentah dunia menurun, harga runcit RON95 dan diesel di stesen minyak akan menjadi lebih rendah pada bulan berikutnya dan begitu juga sebaliknya.

Berikutan pelaksanaan mekanisme ini, isu berkaitan kaedah pengagihan subsidi minyak mengikut tahap pendapatan tidak lagi berbangkit. Namun, bagi meringankan beban kos sara hidup golongan berpendapatan rendah, pelbagai bantuan disediakan seperti bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan Bantuan Sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan langkah rasionalisasi ini pula dapat meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan negara serta menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang lebih cekap dengan mekanisme pemberian subsidi lebih bersasar. Langkah rasionalisasi subsidi juga telah memberi penjimatan peruntukan perbelanjaan Kerajaan yang ketara. Sebahagian daripada penjimatan tersebut disalurkan semula kepada rakyat secara terus dalam bentuk bantuan tunai mengikut tahap pendapatan kumpulan sasar manakala sebahagian lagi digunakan untuk pembiayaan program dan projek pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat seperti pembinaan rumah mampu milik di seluruh negara, jalan luar bandar dan Klinik 1Malaysia. Di samping itu, Kerajaan terus menyediakan peruntukan untuk perkhidmatan pendidikan dan kesihatan, pembangunan masyarakat di bandar dan luar bandar serta menambah baik sistem pengangkutan awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan langkah rasionalisasi subsidi sedia ada adalah bertujuan

untuk memastikan usaha konsolidasi fiskal dapat diteruskan bagi mencapai sasaran bajet berimbang menjelang 2020. Langkah ini juga akan mengekalkan daya tahan ekonomi negara serta menjamin kesejahteraan rakyat dalam jangka masa panjang. Walaupun Kerajaan komited dalam usaha konsolidasi fiskal, kebajikan dan kepentingan rakyat tetap menjadi keutamaan. Oleh yang demikian, sebarang inisiatif pembaharuan fiskal akan diperhalusi dengan teliti bagi mengimbangi kesejahteraan rakyat dengan keperluan untuk mengukuhkan kedudukan fiskal negara.

**SOALAN ( 31 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 8 MAC 2016  
[ SELASA ]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan skim-skim yang disediakan untuk golongan berpendapatan pertengahan dan rendah untuk membiayai pembelian rumah-rumah kos rendah dan mampu milik.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menerusi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) sentiasa menggalakkan peningkatan penawaran rumah di dalam pasaran Malaysia dan membantu mengurangkan bebanan rakyat Malaysia dalam pemilikan rumah.

Antara skim dan program yang ditawarkan oleh Kementerian bagi golongan berpendapatan rendah adalah seperti berikut :

- i. **Program Perumahan Rakyat (PPR) - Penyediaan rumah kos rendah kepada golongan yang layak di seluruh Negara melalui 2 kategori PPR iaitu :**
  - PPR Disewa – Kadar Sewaan RM124 sebulan;
  - PPR Dimiliki – Harga Jualan (Semenanjung Malaysia - RM35,000 seunit/ Sabah Dan Sarawak – RM42,000 seunit);  
dan

- ii. **Skim Pinjaman Perumahan (SPP)** - Skim ini terbuka kepada golongan berpendapatan rendah di mana KPKT memberi pinjaman perumahan sehingga RM45,000 dengan syarat peminjam memiliki atau mempunyai kebenaran untuk membina rumah di atas tanah yang dicadangkan.

Manakala skim yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi golongan berpendapatan pertengahan pula adalah **Skim MyHome** yang menawarkan pemberian insentif dan wang pendahuluan sebanyak RM30,000 untuk rumah-rumah yang bernilai RM80,000-RM200,000 bagi Semenanjung Malaysia, RM90,000-RM250,000 bagi Sabah dan Sarawak serta RM300,000 bagi Kuala Lumpur kepada pembeli dan pemaju perumahan yang memohon di bawah program ini.

Selain itu juga terdapat beberapa program lain yang dilaksanakan oleh **Agensi Kerajaan yang lain**, antaranya :

- i. **PR1MA dan SPNB** - Menyediakan rumah mampu milik;
- ii. **Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)** - Rumah PPA1M dijual kepada penjawat awam; dan

**iii. Bantuan pinjaman pembelian rumah - Skim Rumah  
Pertamaku (SRP)**

**Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

**Mac 2016**